# INPUT UCAPAN Y.BHG. DATUK NAIB CANSELOR UTeM

## MAJLIS PERASMIAN BENGKEL PELAN STRATEGIK DAN PERANCANGAN TAHUNAN UTeM

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**INPUT UCAPAN Y.BHG DATUK NAIB CANSELOR UTeM MAJLIS PERASMIAN BENGKEL PELAN STRATEGIK DAN PERANCANGAN TAHUNAN UTeM**

**<u>BENGKEL INI DIADAKAN DENGAN BEBERAPA OBJEKTIF</u>**

1. MEMBENTANGKAN AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIRANCANGKAN OLEH SETIAP PTJ YANG MELIPUTI AKTIVITI TERAS UNIVERSITI IAITU PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN, PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA, HAL EHWAL PELAJAR, DAN KHIDMAT MASYARAKAT. BAGI PTJ SOKONGAN PEMBENTANGAN BOLEHLAH MENGIKUT FORMAT YANG BERSESUAIAN DENGAN FUNGSI PTJ MASING-MASING

2. PEMBENTANGAN PENCAPAIAN TAHUN 2007, DIMASUKKAN KE DALAM PELAN STRATEGIK UTeM UNTUK MELIHAT APAKAH PTJ ATAU UTeM TELAH MENUJU KEPADA APA YANG DISASARKAN UNTUK DICAPAI SELARI DENGAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA PADA TAHUN 2010. OLEH ITU PETUNJUK PRESTASI UTAMA DIGUNAKAN UNTUK MENJELASKAN PENCAPAIAN DAN PERANCANGANNYA.

3. DI SAMPING ITU, BENGKEL INI MEMBERI PELUANG KEPADA UTeM UNTUK MENYEMAK SEKIRANYA ADA PETUNJUK PRESTASI UTAMA YANG BELUM LAGI DIPANTAU SUPAYA TINDAKAN DAPAT DIAMBIL.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

4. BENGKEL INI JUGA MEMBOLEHKAN ACARA-ACARA UTAMA DI ATUR SEPANJANG TAHUN UNTUK DISELARASKAN DAN MENGELAKKAN PERCANGGAHAN.

5. BENGKEL JUGA DIADAKAN UNTUK MENYEDIAKAN HALATUJU UNIVERSITI BERPANDUKAN PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI NEGARA MELANGKAU 2020 DAN PELAN TINDAKAN PENGAJIAN TINGGI NEGARA 2007 – 2010. HALA TUJU INI PERLU DISERAHKAN KEPADA KPT SEBELUM 16 DISEMBER 2007.

6. BENGKEL INI JUGA MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MEMBANGUNKAN KAD PRESTASI KORPORAT (BALANCED SCORECARD) UTeM.

**CABARAN-CABARAN PENGAJIAN TINGGI NEGARA SEPERTI YANG DIBENTANGKAN DALAM PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA.**

DI KESEMPATAN INI ADALAH WAJAR UNTUK SEMUA WARGA UTeM MELIHAT CABARAN-CABARAN YANG BERKAITAN DENGAN PENGAJIAN TINGGI NEGARA KHUSUSNYA YANG MEMBERI KESAN KEPADA UTeM

**A. MELUASKAN AKSES DAN MENINGKATKAN EKUITI.**

- MEMPELBAGAIKAN PROGRAM PENGAJIAN DAN LATIHAN UNTUK MENAMBAH PELUANG KEPADA SEMUA.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

- MENDAPATKAN SUMBER PEMBIAYAAN ALTERNATIF UNTUK PELAJAR SELAIN DARI PTPTN.

- MEMBERIKAN PENDEDAHAN YANG MINIMUM KEPADA SEMUA KERANA KEKURANGAN PRASARANA, TEKNOLOGI, SUMBER DAN BAHAN PEMBELAJARAN YANG WUJUD DI KALANGAN IPT.

**B. MENAMBAH BAIK KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

- MENYEDIAKAN KESINAMBUNGAN USAHA-USAHA YANG TELAH DIBUAT OLEH PELAN INDUK PEMBANGUNAN PENDIDIKAN (PIPP) 2006 – 2010 DAN MENGGALAKKAN IPT MENAWARKAN PROGRAM PASCA SISWAZAH YANG BERKUALITI DAN DIIKTIRAF BAGI MELAHIRKAN MODAL INSAN YANG MEMPUNYAI PELBAGAI KEBOLEHAN DAN KEMAHIRAN.

- PELAJAR MENGUASAI BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN, BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA GLOBAL DAN SEKURANG-KURANGNYA SATU BAHASA ANTARABANGSA.

- PENGANGGURAN SISWAZAH YANG DIKAITKAN DENGAN KETIDAKSEPADANAN KEPERLUAN INDUSTRI. JUGA TANGGAPAN GRADUAN YANG KURANG SEDIA KERJA.

- MEMASTIKAN SISWAZAH CEMERLANG BUKAN DALAM AKADEMIK SAHAJA. JUSTERU IPT PERLU MENGHASILKAN KURIKULUM YANG BERINOVATIF DENGAN MENGAMBIL

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

PELUANG KEHARMONIAN NEGARA DAN KEPELBAGAIAN BUDAYA, BAHASA DAN AGAMA.

- MEMPERTINGKATKAN INFRASTRUKTUR, PERALATAN DAN TENAGA PENGAJAR BAGI MEMENUHI PERTAMBAHAN PELAJAR.

**C. MEMPERTEGUH PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

- MERASIONALKAN PUSAT-PUSAT KECEMERLANGAN DARI SEGI PERANAN, FUNGSI DAN AKTIVITI YANG DIJALANKAN UNTUK MENDAPAT PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA.

- MEWUJUDKAN BUDAYA INOVASI MELALUI AKTIVITI REKA CIPTA UNTUK MENCUNGKIL BAKAT SERTA KEMAHIRAN MEREKA DALAM BIDANG PENCIPTAAN DAN KREATIVITI.

- MENAMBAH BILANGAN PENYELIDIK, SAINTIS DAN JURUTERA DENGAN MENAMBAH PERUNTUKAN R & D DARI PELBAGAI SUMBER.

**D. MEMPERKASAKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI**

- WARGA IPT JELAS DENGAN VISI, MISI, OBJEKTIF DAN TERAS STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI DAN MENJAJARKAN ARAH STRATEGIK MASING-MASING DENGAN ARAH STRATEGIK KEMENTERIAN.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

- MENAMBAH BAIK SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERSANDARKAN PRINSIP KETELUSAN, AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIPERTINGKATKAN KECEKAPANNYA.

- MEMPERKASA IPT SUPAYA SETANDING DENGAN UNIVERSITI TERBAIK DUNIA DENGAN MEMBANGUNKAN KURIKULUM YANG RELEVAN DAN MEMPERGIAT AKTIVITI PENYELIDIKAN.

**E. MEMPERGIATKAN PENGANTARABANGSAAN.**

- MEMASTIKAN MoU YANG DITANDATANGANI DAPAT DIAKTIFKAN DAN MEMBERI MANFAAT. JIKA PERLU, TAMATKAN MoU YANG TIDAK AKTIF.

- MENGGIATKAN PROMOSI DENGAN MENYERTAI PUSAT PROMOSI PENDIDIKAN MALAYSIA (MPEC) DI DUBAI, BEIJING, JAKARTA DAN BANDAR HO CHI MINH.

**F. MEMBUDAYAKAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT.**

- IPT MEWUJUDKAN SISTEM PENGAJARAN YANG FLEKSIBEL SUPAYA INDIVIDU BOLEH MELAKSANAKAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH). KERANGKA MQF TELAH DIWUJUDKAN BAGI MEMBOLEHKAN MOBILITI PELAJAR MELALUI LALUAN PENDIDIKAN YANG PELBAGAI.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

## HALA TUJU INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM

BERDASARKAN CABARAN YANG DIHADAPI MAKA KPT TELAH MEWUJUDKAN HALA TUJU YANG AKAN MEMBAWA TRANSFORMASI KEPADA PENGAJIAN TINGGI NEGARA.

- SEPERTI YANG SEMUA SEDIA MAKLUM KPT TELAH PUN MELANCARKAN PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI NEGARA MELANGKAU 2020 DAN PELAN TINDAKAN PENGAJIAN TINGGI NEGARA 2007 – 2010 PADA 27 OGOS 2007.

- SEJAJAR DENGAN ITU SEMUA IPTA TELAH DI ARAHKAN UNTUK MENGEMUKAKAN HALA TUJU IPTA MASING-MASING SEBELUM 16 DISEMBER 2007.

- PROSES TRANSFORMASI PENGAJIAN TINGGI NEGARA DI ANTARA KE DALAM EMPAT FASA:

FASA 1 : 2007 – 2010 (PELETAKAN ASAS)

FASA 2 : 2011 – 2015 (PENINGKATAN DAN PEMERKASAAN)

FASA 3 : 2016 – 2020 (KECEMERLANGAN DAN

FASA 4 : MELANGKAUI 2020 (KEGEMILANGAN DAN KELESTARIAN)

- SEBANYAK TUJUH TERAS TELAH DIKENAL PASTI DALAM PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI NEGARA.

TERAS 1 : MELUASKAN AKSES DAN MENINGKATKAN EKUITI.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

TERAS 2 : MENAMBAH BAIK KUALITI
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

TERAS 3 : MEMPERTEGUH PENYELIDIKAN
DAN INOVASI

TERAS 4 : MEMPERKASA INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI

TERAS 5 : MEMPERGIAT
PENGANTARABANGSAAN

TERAS 6 : MEMBUDAYAKAN PEMBELAJARAN
SEPANJANG HAYAT

TERAS 7 : MENGUKUH SISTEM PENYAMPAIAN
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

SISTEM PENARAFAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA (SETARA)

1. SEBAB-SEBAB PENARAFAN

- KONSEP 'WORLD CLASS UNIVERSITY' TELAH MENGGERAKKAN SUPAYA DIWUJUDKAN PETUNJUK UNTUK MENGUKUR KUALITI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI.
- KEHENDAK PENGGUNA YANG INGIN MENGETAHUI KUALITI AKADEMIK.
- UNTUK MENGGALAKKAN BUDAYA PRESTASI DI SEKTOR AWAM.

2. SETARA HANYA DIGUNAPAKAI OLEH IPTA SAHAJA. TELAH DIMULAKAN PADA TAHUN 2006.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

3. IPTA DIKLASIFIKASIKAN KEPADA 3 KATEGORI :-

- UNIVERSITI INTENSIF PENYELIDIKAN
- UNIVERSITI UMUM
- UNIVERSITI KHUSUS (UTeM)

SETIAP KATEGORI MEMPUNYAI PEMBERAT MARKAH YANG BERBEZA.

4. UNTUK URUSAN PENARAFAN INI ENAM DOMAIN DATA DIPERLUKAN :

- STAF AKADEMIK
- KEPILIHAN PELAJAR
- PENYELIDIKAN
- PROGRAM AKADEMIK
- SUMBER
- PENGURUSAN

5. DALAM MASA YANG SAMA INDIKATOR YANG DIHASILKAN JUGA DI TANDA ARAS DENGAN DI ANTARANYA NATIONAL UNIVERSITY OF SINGAPORE (NUS) DAN MELBOURNE UNIVERSITY.

6. PENARAFAN UNIVERSITI MENGIKUT SKOR YANG DIPEROLEH IAITU CEMERLANG (67.7% - 100%), BAIK (33.3% - 67.6%) DAN MEMUASKAN (<33.3%).

7. UNTUK PENARAFAN YANG DIBUAT PADA TAHUN 2006, UTeM BERADA PADA KELOMPOK MEMUASKAN BERSAMA 9 LAGI IPTA YANG LAIN.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

- MAKA BERDASARKAN KAD PRESTASI ITU AKAN DIPILIH PELAN TINDAKAN DAN SASARAN YANG BERPADANAN UNTUK DIJADIKAN KAD PRESTASI KORPORAT UTeM. BERDASARKAN KAJIAN AWAL ADALAH DISYORKAN SEBANYAK 32 KPI DIPILIH DARI SEJUMLAH 121 KPI YANG ADA.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka